



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 30 DISEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEKTOR PERTANIAN, PERIKANAN MEROSOT, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 22	LAIN-LAIN
2.	'DURIAN TSUNAMI' SEES BIG DROP IN MUSANG KING PRICES, VIEWS, THE STAR, M/S – 12	
3.	MUSANG KING TIDAK LAGI 'KING', NEGARA, KOSMO, M/S – 1 & 2	
4.	HARGA KEMBALI NAIK HUJUNG MUSIM, NEGARA, KOSMO, M/S – 2	
5.	DURIAN 'CHAI' TEKAN HARGA PASARAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 8	
6.	HARGA MURAH KERANA BELUM CAPAI KUALITI EKSPORT, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 8	
7.	BAUNG EKOR MERAH ANCAM SUNGAI PAHANG, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	
8.	166 NAHAS SEBABKAN RUGI RM1J, MASALAH HAIWAN TERNAKAN BERKELIARAN DI JALAN UTAMA GUA MUSANG, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/12/2025	HARIAN METRO	BISNES	22



Sektor pertanian, perikanan merosot

Kuala Lumpur: Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia turun 1.8 peratus pada November, 2025 daripada penurunan 0.1 peratus pada Oktober 2025, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin (*gambar*) berkata, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan merosot 9.7 peratus, selepas peningkatan 2.7 peratus pada bulan sebelumnya, disebabkan penurunan dua digit sebanyak 16.2 peratus dalam indeks penanaman tanaman kekal.

"Pada masa sama, sektor perlombongan menguncup 7.2 peratus berbanding penurunan 1.0 peratus pada Oktober 2025, disebabkan perubahan negatif dalam kedua-dua indeks pengestrakan gas asli dan pengestrakan petroleum mentah, masing-masing merosot 11.4 peratus dan 5.5 peratus.

"Sektor pembuatan juga mencatatkan penurunan perlahan 0.6 peratus, mengekalkan kadar penguncupan sama seperti pada bulan sebelumnya, disebabkan penurunan 6.6 peratus dalam indeks pembuatan kok dan produk petroleum bertapis," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sebaliknya, beliau berkata, sektor bekalan elektrik dan gas meningkat 4.1 peratus, manakala sektor bekalan air naik 10.1 peratus.

Membandingkan IHPR Malaysia untuk November 2025 dengan negara terpilih, Mohd Uzir berkata, negara berkenaan menunjukkan trend bercampur-campur dengan IHPR Jepun melonjak 2.7 peratus, mengekalkan kadar yang sama seperti bulan sebelumnya. -BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/12/2025	THE STAR	VIEWS	12

'Durian tsunami' sees big drop in musang king prices

THE price of musang king durian in Malaysia has fallen to a 10-year low at just about RM10 per kg, causing orchard owners to suffer losses this month, reported *Sin Chew Daily*.

Industry players are now labelling it a "durian tsunami" after prices fell by more than 60% in just one month.

According to orchard owner Lin Fu Yuan, orchard owners were already making paper-thin margins when musang king durians retailed at about RM20 per

kilo in November.

"We did not expect prices to fall by more than 60% at the start of December. These are historically low prices and caused me to lose more money this month," he said.

Zou Sheng Zhe, an orchard owner in Raub, said those worst affected were farmers who leased land to grow durians, and those who invested a huge sum to grow the fruit.

He said the sharp fall in durian prices was due to weak demand as a result of the school holidays

and fewer orders from China.

> A man in Ipoh who allegedly dragged a puppy on a chain behind his motorcycle caused an uproar on social media, reported *Oriental Daily*.

The incident, believed to have taken place in Kampung Tawas last Friday, was caught on video and shared online.

The person taking the video was seen confronting a motorcyclist who picked up a dog with bleeding paws.

The person told the motorcyclist

that the puppy was not running alongside the motorcycle but was being dragged along the road, resulting in injuries.

The motorcyclist only stopped after being confronted, claiming he was unaware that his actions had hurt the dog and pleading for leniency. Netizens condemned the motorcyclist for animal abuse.

According to the uploader of the video, he made a police report.

The puppy is now under the care of the Veterinary Services Department.

TARIKH	NEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/12/2025	KOSMO	MUKA HADAPAN	1

Musang king tidak lagi 'king'

- Harga menjunam sehingga RM10 sekilogram
- Pengusaha dakwa gagal raih untung pada musim ini

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN, MOHD. SHARKAWI LONDING dan NOR AINNA HAMZAH

PETALING JAYA – Musang king sebelum ini digelar durian kayangan, namun kini 'jatuh takhta' apabila harga pasaran menjunam sehingga RM10 sekilogram gara-gara lambakan hasil kebun di seluruh negara.

Situasi itu memaksa sebahagian pekebun menukar strategi mereka, daripada menjual secara borong, kepada jualan terus kepada pelanggan di hadapan kebun sendiri tanpa melalui orang tengah.

•BERSAMBUNG DI MUKA 2





JING CHEW menjual durian musang king pada harga serendah RM10 sekilogram di geraiinya di Selaru, Kuala Pilah semalam.



WALAUPUN harga musang king merudum, kos penjagaan yang ditanggung pekebun tetap tinggi bagi memastikan buah yang dikeluarkan berkualiti.

Musang king tidak lagi 'king'

DARI MUKA 1

Di Segamat, Johor, pengusaha Che Tat Durlan Segamat, Muhammad Noriman Haikal Mohd. Nazri, 25, berkata, apabila penawaran lebih tinggi daripada permintaan, harga sememangnya jatuh.

Katanya, ketika ini buah terlalu banyak kerana kebun-kebun yang ditanam dengan musang king sebelum ini telah mengeluarkan hasil secara serentak.

"Harga musang king gred A yang sebelum ini mampu memecah antara RM60 hingga RM75 sekilogram kini turun kepada RM45 hingga RM50 sahaja.

"Bagi gred lebih rendah pula, harga musang king ada yang dijual serendah RM10 sekilogram bergantung kepada kualiti dan saiz buah," katanya kepada Kosmo! semalam.

Bagaimanapun, katanya, ke-

jatuhan harga itu tidak bermakna kos pengeluaran menurun, sebaliknya pekebun masih menanggung kos penjagaan yang tinggi bagi memastikan kualiti buah terjamin.

Katanya, kos penjagaan sepokok musang king boleh memecah sekitar RM600 setahun meliputi baja, racun, air, buruh dan penyelenggaraan kebun.

"Untuk dapatkan buah yang cantik, isi tebal dan boleh capai gred A, memang tak boleh jimat. Kalau jaga ala kadar, buah tak cantik dan tak boleh dieksport," ujarnya.

Menurutnya, faktor penjagaan tidak konsisten menyebabkan sebahagian besar musang king gagal mencapai gred eksport, sekali gus menekan harga pasaran dalam negara.

Katanya, musang king mungkin akan kehilangan status eksklusifnya di pasaran tempatan

apabila pengguna mula beralih kepada varieti lain seperti duri hitam atau tupai king.

Di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, seorang pekebun di Selaru, Mun Jing Chew, 38, berkata, sebelum ini hasil durian di kebun seluas 8 hektar itu yang diusahakan bersama dua lagi rakan kongsi sejak 10 tahun lalu dijual kepada pemborong.

Katanya, mereka menanam 868 batang pokok yang kebanyakan musang king, selain duri hitam.

"Sebelum ini dijual kepada pemborong, tetapi kali ini kami jual sendiri di hadapan kebun di tepi jalan Kuala Pilah ke Tampin.

"Kami buat promosi RM10 sekilogram bagi musang king bersaiz kecil supaya durian ini dapat tarikan selain membolehkan ramai lagi penduduk kampung merasai keenakan durian ini," katanya.

Menurutnya, setiap hari, nilai jualan kira-kira RM15,000, namun kadar itu sekadar mampu menampung kos setahun untuk menguruskan kebun yang dianggarkan antara RM200,000 hingga RM300,000.

Di Jerantut dan Bentong, Pahang, tinjauan mendapati musang king dijual serendah RM11 sekilogram bagi gred C, manakala gred B pula RM18 sekilogram.

Seorang pekebun di Damak, Jerantut, Lim Kim Chooi, 62, berkata, lambakan musang king selain penyakit belang harimau menyebabkan harga buah itu jatuh.

Dia yang mempunyai 0.8 hektar tanaman musang king memberitahu, penjagaan pokok durian memerlukan kos yang tinggi termasuk dari segi pembajaan, kawalan serangga dan serangan penyakit.

"Dengan semua kos termasuk

pekerja kebun, harga buah tidak boleh bawah RM20 sekilogram, kalau tidak, kami akan mengalami kerugian," katanya.

Seorang lagi pekebun, Frankie Loh Fook Keong, 44, berkata, keluarganya pernah menanam kira-kira 360 pokok musang king pada tahun 2000 di Jerantut, tetapi kini hanya tinggal 12 pokok yang masih hidup.

Katanya, pelbagai faktor seperti cuaca, bencana alam, serangan penyakit dan sebagainya memberikan ancaman besar kepada durian berkenaan.

Khaidir Ahmad, 63, pula berkata, kos bagi memulakan tanaman musang king adalah antara RM50,000 hingga RM70,000 bagi keluasan 0.8 hektar.

Katanya, kos pengurusan ladang juga adalah agak tinggi berdasarkan keadaan semasa dengan kos pembajaan sahaja sebanyak RM500 sebulan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MURA SURAT
30/12/2025	KOSMO	NEGARA	2



SEORANG peminat durian membeli buah di sebuah gerai di hadapan kebun musang king di Selaru, Kuala Pilah semalam.

Harga kembali naik hujung musim

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

BAGAN SERAI – Biarpun harga musang king mengalami kejatuhan ketika ini, namun terdapat pekebun dan peniaga yang mendakwa mereka masih mampu meraih keuntungan setiap kali musim durian.

Seorang peniaga durian di Kg. Parit Haji Ismail 3 di sini, Rafail Ismail, 38, berkata, pemilik ladang musang king dan peniaga masih menjana keuntungan sehingga puluhan dan ratusan ribu ringgit.

"Kita biasa dengar setiap kali musim durian, keuntungan diraih pemilik ladang durian mampu menampung kehidupan mereka selama setahun. Pada pandangan saya, pekebun tak rugi."

"Sedangkan peniaga seperti saya sendiri boleh meraih antara RM40,000 hingga RM60,000 semusim, inikan pula pemilik kebun durian, memang jarang nak rugi," katanya kepada Kosmo! semalam.

Menurutnya, harga durian terutamanya musang king yang rendah iaitu sekitar RM14 sekilogram telah ditawarkan sendiri di

gerainya sejak dua minggu lalu.

Katanya, semua golongan terutama B40 kini boleh menikmati musang king.

"Harga ini akan dinaikkan secara berperingkat menjelang hujung musim durian kali ini."

"Jadi inilah masanya untuk orang ramai menikmati durian musang king."

"Kedai saya sendiri penuh pada setiap Sabtu dan Ahad dengan pengunjung yang datang dari pelbagai lokasi. Tidak perlu lakukan tempahan, konsep dijamin di sini ialah siapa cepat dia dapat," katanya.

Durian 'chai' tekan harga pasaran

Harga musang king jatuh hingga RM5 sekilo babit buah tiada gred

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN BIN NIK MIN

KUANTAN - Kejatuhan harga durian musang king di pasaran sehingga dijual serendah RM5 sekilogram hanya melibatkan buah berkualiti rendah atau 'chai'.

Pengusaha dusun durian dari Temerloh, Khaidir Ahmad mendakwa, perkara itu berlaku ekoran lambakan musang king 'chai' di pasaran tempatan ketika ini.

Menurutnya, harga pasaran musang king berkualiti tinggi atau bergred tetap stabil walaupun mencatat sedikit penurunan disebabkan faktor cuaca dan permintaan rendah berbanding pengeluaran.

"Mungkin ramai tidak tahu sistem penggredan musang king Malaysia adalah unik dan kom-



Lambakan musang king murah hanya disebabkan buah muda dan kurang berkualiti. - Gambar hiasan

pleks berbanding durian jenis lain khususnya di Pahang.

"Musang king mempunyai sembilan gred bermula 1A, diikuti 2A, 3A, 1B, 2B, 3B, 1C, 2C dan 3C berbanding hanya dua gred bagi durian jenis lain," kongsinya di Facebook.

Jelas pengusaha dusun durian dari Kampung Durian Tikus, Temerloh ini, kebiasaannya hanya durian gred 2A dan 3A dijual ke China dan Asia Barat dengan harga antara AS\$15 hingga AS\$30 sekilogram.

"Kriteria kelayakan untuk gred ini pula pelbagai antaranya buah dari

pokok tua berusia melebihi 10 tahun.

"Geografi tanaman juga turut diambil kira dengan buah paling baik dikatakan berasal dari bukit dan tanah tinggi di Pahang kerana kaya kandungan mineral," katanya.

Tambah beliau, ciri fizikal setiap musang king dalam gred tertinggi mestilah sempurna, berat melebihi 1.5 kilogram dan tiada duri patah.

"Durian tidak termasuk dalam sistem gred ini dipanggil buah 'chai'.

"Walaupun sebahagian fizikalnya nampak cantik, durian 'chai' kurang berkualiti dan kurang sedap terutama dari pokok muda berusia bawah 10 tahun.

"Biasa buahnya berwarna hijau terang berbanding buah pokok tua berwarna hijau

gelap dan perang," ujarnya.

Khaidir berkata, disebabkan keluasan dusun durian musang king bertambah lebih sekali ganda terutama di luar Pahang, pengeluaran buah pokok muda juga meningkat.

"Senario ini menyebabkan lambakan musang king 'chai' di pasaran tempatan dan dijual dengan harga jauh lebih murah.

"Sedangkan harga ladang dan borong musang king gred 1A di beberapa pusat penggredan durian di Raub dan Bentong masih berlegar antara RM20 hingga RM35 sekilogram," katanya.

Justeru, ujarnya, dakwaan mengatakan harga musang king jatuh merudum musim ini adalah tidak tepat kerana cuma berdasarkan lambakan durian 'chai'.



Khaidir menunjukkan durian ditanam di kebunnya di Temerloh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/12/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

Harga murah kerana belum capai kualiti eksport

SHAH ALAM - Lebihan durian musang king di pasaran tempatan ketika ini disebabkan hasil pokok muda yang belum mencapai kematangan untuk pasaran eksport.

Pengerusi Persatuan Pekebun Durian Perak, Nor Hisham Nayan berkata, situasi tersebut tidak wajar ditafsirkan sebagai lambakan kerana hanya melibatkan buah tidak bergred atau bergred rendah yang tidak memenuhi spesifikasi pasaran antarabangsa.

Menurutnya, musang king untuk tujuan eksport memerlukan pokok matang, lazimnya berusia sekurang-kurangnya tujuh tahun ke atas bagi menghasilkan buah berkualiti dari segi saiz ulas, isi dan biji.

"Pokok masih muda sekitar empat hingga lima tahun memang sudah berbuah dan masak, namun kualitinya belum menepati piawai eksport selain hanya sesuai untuk pasaran tempatan.

"Buah pokok muda kebanyakannya tidak sesuai dieksport, sekali gus dijual pada harga lebih rendah.

"Keadaan ini menyebabkan pengguna melihat seolah-olah berlaku lambakan musang king, sedangkan lebihan tersebut hanya melibatkan gred tertentu sahaja," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Terdahulu, pengusaha dusun durian dari Temerloh, Pahang, Khaidir Ahmad mendakwa kejatuhan harga musang king di pasaran hingga ada dijual serendah RM5 sekilogram hanya melibatkan durian jenis berkualiti rendah atau digelar 'chai'.

Mengulas lanjut, Nor Hisham berkata keadaan berkenaan bersifat sementara dan jangka reda apabila pokok mencapai tempoh matang serta mampu menghasilkan buah memenuhi spesifikasi eksport.

Dalam pada itu, beliau berkata, kejatuhan harga di pasaran tempatan turut dipengaruhi pertembungan musim durian kampung.

"Peningkatan bekalan durian kampung dijual pada harga serendah RM3 hingga RM4 sekilogram memberi tekanan kepada harga musang king gred rendah," jelasnya.



Nor Hisham (kanan) menunjukkan durian bergred tinggi yang ada dijual di pasaran tempatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/12/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Baung ekor merah ancam Sungai Pahang

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi.isa@mediamulla.com.my

JERANTUT: Kehadiran ikan baung ekor merah di Sungai Pahang, Sungai Tembeling dan Sungai Jelai, Lipis kini menjadi ancaman serius apabila spesies pemangsa itu membaham ikan tempatan sehingga menjejaskan sumber pendapatan nelayan sungai.

Spesies berasal dari Sungai Mekong, Vietnam itu mula membiak selepas terlepas ke sungai utama ketika banjir besar 2014. Baung ekor merah (*Hemibagrus wyckioides*) atau dikenali Baung Mekong mampu membesar sehingga 130 sentimeter dengan berat mencecah 80 kilogram.

Nelayan mendakwa ikan itu semakin banyak ditemukan sejak lima tahun lalu dan kini mendominasi habitat sungai utama negeri. Antara ikan tempatan yang menjadi mangsa ialah patin, kelah, jelawat, temoleh, kerai dan kenerak.

Nelayan Sungai Jelai, Mohd. Shukri Yusof berkata, spesies ikan tersebut dipercayai dibawa masuk secara haram untuk ternakan sebelum terlepas ke sungai akibat banjir.

Katanya, kerajaan melalui Jabatan Perikanan perlu bertindak segera menghapuskan spesies tersebut yang dianggarkan



BAUNG ekor merah terus menjadi ancaman serius kepada spesies ikan liar tempatan sehingga menjejaskan sumber pendapatan nelayan sungai di Pahang.

melebihi 100,000 ekor di Sungai Tembeling dan Sungai Pahang.

Sementara itu, nelayan Sungai Pahang di Pulau Tawar, Rozi Yaakob pula pernah menangkap baung ekor merah seberat hampir 20 kilogram membuktikan spesies itu semakin membesar di sungai berkenaan.

"Saya pertama kali menangkap ikan ganas ini lima tahun lalu ketika menjaring di sungai ini. Selepas itu, saya kerap kali

menemukan ikan ini tersangkut di umpan tajur malahan lebih banyak spesies ini pelbagai saiz tersangkut di jaring," ujarnya.

Sementara itu, nelayan Kampung Pagi, Adenan Nipah, 68, berkata, dia kini sukar memperoleh ikan liar kerana anak ikan dimakan baung ekor merah.

"Ikan itu bukan sahaja membaham ikan tempatan malah turut memakan tumbuhan air, buah-buahan hanyut, serangga dan bangkai," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/12/2025	HARIAN METRO	LOKAL	11

MASALAH HAIWAN TERNAKAN BERKELIARAN DI JALAN UTAMA GUA MUSANG

166 nahas sebabkan rugi RM1j

Oleh Paya Linda Yahya
am@hmetro.com.my

Gua Musang

Sehingga November lalu hampir RM1 juta kerugian dilaporkan akibat kemalangan yang membabitkan haiwan ternakan berkeliaran bebas di atas jalan raya.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Foo berkata, jumlah itu merangkumi 166 kes kemalangan yang dilaporkan di beberapa jalan utama dengan Januari dan September mencatat jumlah tertinggi, masing-masing 20 kes.

Kami memandang serius masalah lembu berkeliaran ini kerana ia boleh membahayakan pengguna jalan raya, terutama ketika cuti sekolah atau musim perayaan.

Setakat November sahaja, berdasarkan rekod kami, kerugian akibat kemalangan yang membabitkan lembu berjumlah RM996,000.

Jadi polis menasihati penternak supaya mengawal ternakan mereka dan lebih bertanggungjawab bagi mengelak kejadian tidak diingini," katanya ketika dihubungi Harian Metro.



ANGGOTA penguat kuasa MDGM menangkap haiwan ternakan yang dibiar berkeliaran sebelum dipindahkan ke kandang.

Beliau mengulas laporan semalam mengenai keluhan pengguna jalan raya yang berdepan risiko kemalangan dengan lembu yang berkeliaran bebas

di atas jalan raya utama. Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Gua Musang (MDGM), Mohd Roshdi Ismail berkata, pihaknya melaksana operasi

menangkap haiwan rayau pada setiap bulan dengan sokongan daripada beberapa agensi.

Pelbagai usaha sudah kami lakukan termasuk

membuat hebahan di surau atau masjid, agar penternak tidak membiarkan haiwan ternakan mereka berkeliaran di jalan raya, terutama jalan utama.

"Sehingga September lalu, sebanyak 19 haiwan rayau berjaya ditangkap, yang mana 15 daripadanya adalah lembu dan selebihnya pula kambing.

"Setiap operasi yang kami jalankan turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Veterinar dan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis (IPD) Gua Musang," katanya yang memaklumkan penguatkuasaan akan terus dipertingkatkan dengan tambahan operasi bersepadu kekang haiwan rayau.

Katanya, antara kawasan hot spot yang difokuskan adalah di sekitar Jalan Gua Musang ke Kuala Krai, Felda Chiku 3 dan Jalan Felda Chiku 5 ke Felda Chiku 7.

Dalam masa sama beliau mahu kalangan penternak prihatin dan bertanggungjawab dalam mengawal ternakan masing-masing agar tidak lepas bebas.

Katanya, MDGM tidak berkompromi dalam isu itu dan penternak yang ingkar boleh dikenakan kompaun sehingga RM1,000 atau denda sehingga RM2,000 mahupun penjara sehingga satu tahun jika didapati bersalah.